

Mengamuk hilang kunci kereta, lelaki ugut bunuh adik dipenjara 12 bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah mengugut bunuh adik kandung perempuannya setelah mengamuk kerana kehilangan kunci kereta, bulan lalu.

Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan hukuman penjara bagi Azmanizzam Roslan, 39, untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan didakwa melakukan ugutan jenayah terhadap adik perempuannya yang berusia 25 tahun dalam satu kejadian pada 9 Mac 2026, sekitar jam 4 pagi di sebuah rumah di Taman Sukma di sini.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh mengamuk setelah mendapati kunci kereta hilang dan seterusnya menuduh mangsa serta ibu mereka mengambil kunci tersebut.

Semasa kejadian, tertuduh mengeluarkan kata-kata ugutan bunuh iaitu, "Mun kau ambik kunci kereta ya aku bunuh kau," selain turut mengugut hendak mencederakan seluruh ahli keluarga.

Khuatir akan keselamatan diri dan keluarga, mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditahan pada

keesokan harinya sekitar jam 10.45 pagi.

Hasil siasatan polis mendapati kejadian dipercayai berpunca daripada kehilangan kunci kereta tertuduh yang menyebabkan tertuduh bertindak agresif.

Tiada kecederaan fizikal berlaku, namun kata-kata ugutan tersebut telah menyebabkan mangsa berasa takut dan trauma.

Malah, siasatan lanjut polis juga mendapati tertuduh mempunyai rekod jenayah lampau, sekali gus menunjukkan bahawa ugutan tersebut bukan sekadar gertakan kosong.

Hasil semakan sistem mendapati tertuduh merupakan seorang penjenayah tegar dengan rekod jenayah lampau yang membimbangkan, antara lain mempunyai lapan rekod lampau melibatkan kesalahan berkaitan dadah serta jenayah harta benda/kekerasan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2021.

Sistem turut menunjukkan tertuduh mempunyai lima rekod dijatuhkan hukuman bagi pelbagai kesalahan.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin, sementara kes disiasat Inspektor Nur Ain Wong.

Tertuduh tidak diwakili peguam.